



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 4-5 Mei 2023 (Khamis-Jumaat) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>Let Jail Sentence Be A Lesson On Protecting Children, Says Minister</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/04/let-jail-sentence-be-a-lesson-on-protecting-children-says-minister</p>	The Star	Neutral
2	<p>Masalah Kewangan Menjadikan Kanak-Kanak Mangsa Dera</p> <p>https://www.samudera.my/masalah-kewangan-menjadikan-kanak-kanak-mangsa-dera/</p>	Samudera	Neutral
3	<p>Ibu Direman 5 Hari, Bantu Siasatan Kes Amang Seksual Fizikal Terhadap Anak Lelaki</p>		Negatif

https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/963288/ibu-direman-5-hari-bantu-siasatan-kes-amang-seksual-fizikal-terhadap-anak	Harian Metro
https://malaysiapost.com.my/2023/05/04/wanita-ditahan-buat-amang-seksual-terhadap-anak-lelaki/amp/	Malaysia Post
https://www.kosmo.com.my/2023/05/04/wanita-dicekup-buat-amang-seksual-terhadap-anak-lelaki/	Kosmo
https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2186167	Bernamea
https://mediavariasi.com/2023/05/amang-seksual-ibu-direman-lima-hari/	Media Variasi
https://www.malay.news/amang-seksual-ibu-direman-lima-hari/	Malay News
https://utusanv.com/2023/05/04/ibu-direman-lima-hari-lakukan-amang-seksual-terhadap-anak/	Utusan TV
https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1097127/ibu-direman-bantu-siasatan-kes-amang-seksual-fizikal-terhadap-anak-lelaki	Berita Harian
https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/04/ibu-terlampau-didakwa-rakam-amang-seksual-bersama-anak-lelaki/	FMT
https://malaysiagazette.com/2023/05/04/amang-seksual-ibu-direman-lima-hari/	Malaysia Gazette
https://malaysiapost.com.my/2023/05/04/wanita-ditahan-buat-amang-seksual-terhadap-anak-lelaki/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=wanita-ditahan-buat-amang-seksual-terhadap-anak-lelaki	Malaysia Post
https://mykmu.net/2023/05/04/ibu-terlampau-didakwa-rakam-amang-seksual-bersama-anak-lelaki/	MYKMU
https://headtopics.com/my/polis-tahan-ibu-lakukan-amang-seksual-anak-sendiri-the-malaysian-insight-38747855	Head Topics

4	<p>Aktif Segera Dasar Dan Pelan Tindakan Kanak-Kanak, Seru Peguam Kes Bella</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/03/aktif-segera-dasar-dan-pelan-tindakan-kanak-kanak-seru-peguam-kes-bella/</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/663956</p>	<p>FMT</p> <p>Malaysia Kini</p>	Neutral
5	<p>Kanak-Kanak Sakit Bukan Sebab Strok Haba</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/963200/kanak-kanak-sakit-bukan-sebab-strok-haba</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/256899/berita/semasa/kanak-kanak-8-tahun-bukan-alami-strok-haba</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1097033/kes-budak-8-tahun-dari-pulau-tioman-kerana-meningitis-bukan-strok-haba</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-diterbangkan-ke-htaa-bukan-disebabkan-strok-haba-418121</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/05/04/kanak-kanak-diterbangkan-ke-htaa-bukan-kerana-strok-haba/</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/kanak-kanak-lapan-tahun-bukan-alami-strok-haba-tapi-otak-dijangkiti-kuman/</p> <p>https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kanak-kanak-diterbangkan-ke-htaa-bukan-disebabkan-strok-haba-OL10933058</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/05/04/kanak-kanak-diterbangkan-dari-tioman-mengidap-meningitis/</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Berita Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Kosmo</p> <p>Utusan</p> <p>The Sun Daily</p> <p>Malaysia Gazette</p>	Neutral
6	<p>Tadika Terbakar, 36 Murid, Guru Sempat Selamatkan Diri</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tadika-terbakar-36-murid-guru-sempat-selamatkan-diri-418124</p>	<p>Astro Awani</p>	Neutral

7	<p>Polis Terima Laporan Wanita Dakwa Gambar Dipapar Dalam Video Lucah</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/256921/berita/s-emas/polis-terima-laporan-wanita-dakwa-gambar-dipapar-dalam-video-lucah</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/256796/berita/s-emas/guru-wanita-trauma-gambar-keluarga-dipapar-dalam-video-lucah</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-terima-laporan-wanita-dakwa-gambar-peribadi-dipapar-dalam-video-lucah-418091</p> <p>https://www.utusan.com.my/terkini/2023/05/guru-wanita-dakwa-gambarnya-ahli-keluarga-dimuatkan-dalam-video-lucah/</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/05/1097091/polis-terima-laporan-wanita-dakwa-gambar-peribadi-dipapar-dalam-video</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Utusan</p> <p>Berita Harian</p>	Negatif
8	<p>Polis Kesan Lelaki Cabul Wanita Di Tepi Jalan</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/polis-kesan-lelaki-cabul-wanita-di-tepi-jalan/</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/03/polis-buru-lelaki-cabul-wanita-tepi-jalan/</p> <p>https://www.buletintv3.my/jenayah/polis-buru-lelaki-cabul-wanita/</p>	<p>Utusan</p> <p>FMT</p> <p>Buletin TV3</p>	Negatif
9	<p>Wanita Rindu Gelak Tawa Suami</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/wanita-rindu-gelak-tawa-suami/</p>	<p>Utusan</p>	Neutral
10	<p>Janji Padam Video, Lepas ‘Kantoi’ Rakam Wanita Di Tandas Awam</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/05/04/janji-padam-video-lepas-kantoi-rakam-wanita-di-tandas-awam/</p>	<p>Kosmo</p>	Negatif

11	<p>Wanita Warga Emas Jatuh Gaung</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/wanita-warga-emas-jatuh-gaung/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/963111/warga-emas-tergelincir-dalam-dalam-gaung-12-meter</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/04/warga-emas-jatuh-gaung-12-meter/</p> <p>https://wartaoriental.com/2023/05/05/wanita-warga-emas-jatuh-gaung/</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-selamat-tergelincir-dalam-gaung-12-meter/</p> <p>https://alhijrahnews.com/warga-emas-jatuh-gaung-sedalam-12-meter/</p> <p>https://utusan.com.my/2023/05/04/gaung-3/</p> <p>https://www.melaysiakini.com/wanita-warga-emas-jatuh-gaung-88162.html</p>	<p>Utusan</p> <p>Harian Metro</p> <p>FMT</p> <p>Warta Oriental</p> <p>Buletin TV3</p> <p>AlHijrah</p> <p>Utusan TV</p> <p>Melaysia Kini</p>	Neutral
12	<p>Melaka Tubuh Badan Pemikir Untuk Perkasa, Perjuang Hak Wanita</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/melaka-tubuh-badan-pemikir-untuk-perkasa-perjuang-hak-wanita-418092</p> <p>https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2186139</p>	<p>Astro Awnai</p> <p>Bernamea</p>	Neutral
13	<p>50 Rumah Terjejas Akibat Ribut, Hujan Lebat [METROTV]</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/962971/50-rumah-terjejas-akibat-ribut-hujan-lebat-metrotv</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/ribut-mengganas-bumbung-rumah-tercabut-kedai-makan-dihempap-pokok-besar/</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral

	https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/50-premis-rosak-dibadai-ribut-di-kampung-melayu-majidee/	Utusan	
14	Warga Emas, Budak Lebih Berisiko https://www.hmetro.com.my/utama/2023/05/963071/warga-emas-budak-lebih-berisiko	Harian Metro	Neutral
15	Tingkat Kesedaran Warga Emas Elak Jadi Mangsa Tipu https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2023/05/1096955/tingkat-kesedaran-warga-emas-elak-jadi-mangsa-tipu	Berita Harian	Neutral
16	"Warga Emas Bukan Bebanan, Mampu Jadi Potensi Ekonomi Baharu" - Dr Mohamed Mustafa https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-bukan-bebanan-mampu-jadi-potensi-ekonomi-baharu-dr-mohamed-mustafa-418120	Astro Awani	Neutral
17	'Tidak Ada Orang Berani Aniaya OKU Lagi' https://www.sinarharian.com.my/article/256798/berita-nasional/tidak-ada-orang-berani-aniaya-oku-lagi https://www.youtube.com/watch?v=JAIWR0q0rDU https://www.youtube.com/watch?v=v_qo5iFbSG4 https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1096771/masyarakat-jadi-mata-dan-telinga-pihak-berkuasa-elak-kes-aniaya-oku https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2185934 https://majoriti.com.my/berita/2023/05/03/kemenangan-buat-pejuang-bella-suara-anak-anak-oku-di-seluruh-negara-kedengaran-hari-ini---ras-adiba https://headtopics.com/my/hari-ini-kemenangan-kepada-pejuang-justice-for-bella-ras-adiba-harian-metro-38714868	Sinar Harian Berita Harian Harian Metro Berita Harian Bernama Majoriti Head Topics	Neutral

18	Penjaga Ahli Keluarga OKU, Uzur Wajar Diberi Elaun, Akses Kesihatan https://www.bharian.com.my/kolumnis/2023/05/1096951/penjaga-ahli-keluarga-oku-uzur-wajar-diberi-elaun-akses-kesihatan	Berita Harian	Neutral
19	Kakak Tekad Jaga 5 Beradik OKU https://malaysiapost.com.my/2023/05/04/kakak-tekad-jaga-5-beradik-oku/	Malaysia Post	Neutral
20	Empat Sekeluarga Nyaris Maut Kereta Terbakar https://www.thesundaily.my/cerita/berita/empat-sekeluarga-nyaris-maut-kereta-terbakar-ML10933791	The Sun Daily	Neutral

LET JAIL SENTENCE BE A LESSON ON PROTECTING CHILDREN, SAYS MINISTER

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/04/let-jail-sentence-be-a-lesson-on-protecting-children-says-minister>

Sumber : The Star



PETALING JAYA: The court's decision to jail the Rumah Bonda founder for abuse and neglect of a teenager with Down Syndrome should serve as a lesson for those who take such acts against children lightly, says the Women, Family and Community Development Minister.

Datuk Seri Nancy Shukri (*pic*) said the ministry was happy with the court's decision and wished it would serve as a lesson to everyone to always protect children and stop neglect or abuse from happening regardless of the child's background or ability.

"All children who are entrusted to an adult must always be fully protected and fully cared for. All children have the right to grow up in a safe environment," she told The Star yesterday.

Nancy also affirmed the ministry's commitment to further strengthening the protection of basic rights, safety and well-being of children in Malaysia through the setting up of a Children's Department focused on child protection issues.

"We are in the process of finalising the requirements needed by the department together with the Public Service Department and the Finance Ministry," she said.

Besides setting up the Children's Department, the ministry has also been actively taking other measures to ensure children in the social welfare system were under the custody of qualified, law-abiding carers, said Nancy.

She added that her ministry launched the Child Placement Management Guideline for its welfare officers in March to ensure the requirements for qualified parties comply with the Child Act 2001.

The Social Welfare Department has tightened the requirements of qualified and suitable persons who are able to foster children, she said.

She also said the department, which falls under her ministry, has been doing regular spot checks at least twice a year on children's welfare homes.

As of 2022, there are 381 children's welfare homes registered under the Care Centres Act 1993.

Nancy added that most of the homes were run by non-profit organisations.

MASALAH KEWANGAN MENJADIKAN KANAK-KANAK MANGSA DERA

<https://www.samudera.my/masalah-kewangan-menjadikan-kanak-kanak-mangsa-dera/>

Sumber : Samudera



KUALA LUMPUR, 05 Mei 2023 – Masalah kewangan merupakan punca menjadikan kanak-kanak sebagai mangsa dera bagi melepaskan geram, menurut [statistik](#) penderaan di Malaysia.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Bukit Aman, Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan berkata, masalah kewangan yang dihadapi pasangan telah membuat pelaku gagal mengawal emosi dan baran.

Jelasnya, kurang ilmu hidup dan keibubapaan akibat perkahwinan serta kehamilan yang tidak dirancang seterusnya menyumbang kepada perlakuan dera.

“Isu keselamatan kanak-kanak ini perlu ditangani dengan serius oleh pelbagai pihak.”

“Ini kerana kanak-kanak merupakan golongan rentan yang perlu diurus dengan hemat disebabkan faktor kematangan fikiran mereka dan fizikal yang tidak berupaya melindungi diri daripada segala bentuk ancaman,” jelasnya.

Berdasarkan [rekod](#), sebanyak 220 kes penderaan kanak-kanak sampai maut terus berlaku dengan ibu kandung menjadi pelaku tertinggi.

Dalam tempoh tersebut, Selangor merekodkan kes tertinggi iaitu 91 kes diikuti masing-masing 23 kes di Kuala Lumpur dan Johor selain Negeri Sembilan (18 kes) manakala Perak (14 kes) dan bakinya di lain-lain negeri.

Ibu kandung penyumbang tertinggi dengan 67 kes kanak-kanak maut akibat didera ‘di tangan’ wanita yang melahirkan mangsa.

Dalam tempoh sama, sebanyak 46 kes membabitkan pelaku bapa kandung diikuti bapa tiri (sembilan kes) dan lain-lain ahli keluarga (11 kes).

Daripada 220 kes, 133 kes kematian kanak-kanak dikaitkan dengan ahli keluarga iaitu kombinasi ibu bapa kandung, ibu bapa tiri dan ahli keluarga lain mangsa.

Selain itu, sebanyak 69 kanak-kanak lagi direkodkan maut didera ketika berada di bawah pengawasan pengasuh termasuk pembantu rumah dan ahli keluarga pengasuh.

Kes tertinggi direkodkan pada tahun lalu dengan 84 kes diikuti 2020 (44 kes); 2019 (43 kes); 2018 (25 kes) dan 2021 (24 kes).

IBU DIREMAN 5 HARI, BANTU SIASATAN KES AMANG SEKSUAL FIZIKAL TERHADAP ANAK LELAKI

<https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/963288/ibu-direman-5-hari-bantu-siasatan-kes-amang-seksual-fizikal-terhadap-anak>

Sumber : Harian Metro



Kuala Lumpur: Seorang wanita direman lima hari bermula semalam hingga Ahad ini bagi membantu siasatan berhubung kes amang seksual fizikal terhadap anak lelakinya berusia 14 tahun.

Ketua Polis Daerah Kuala Selangor, Superintendan Ramli Kasa berkata, suspek berusia 33 tahun itu direman bagi membolehkan siasatan lanjut dilakukan mengikut Seksyen 14 dan Seksyen 5 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Beliau berkata, wanita itu ditahan di kediamannya di Puncak Alam, Shah Alam, Selangor pada Selasa lalu selepas polis menerima laporan daripada pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang mendapat maklumat mengenai perbuatan itu menerusi sebuah video yang diperolehi daripada individu tidak dikenali.

"Sejurus laporan dibuat, pasukan polis menahan wanita itu dan merampas telefon bimbit yang disyaki digunakan untuk merakam video berkenaan.

"Siasatan mendapati mangsa adalah anak ketiga daripada lima beradik. Kejadian itu dipercayai berlaku di dalam bilik di rumah suspek pada November tahun lalu," katanya ketika dihubungi Bernama TV hari ini.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati suami wanita terbabit sedang menjalani hukuman penjara manakala wanita itu negatif terhadap dadah.

Ramli berkata, kesemua anak suspek yang berusia sembilan hingga 17 tahun kini berada di bawah jagaan JKM.

AKTIF SEGERA DASAR DAN PELAN TINDAKAN KANAK-KANAK, SERU PEGUAM KES BELLA

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/03/aktif-segera-dasar-dan-pelan-tindakan-kanak-kanak-seru-peguam-kes-bella/>

Sumber : Free Malaysia Today



PETALING JAYA: Dasar dan Pelan Tindakan Kanak-Kanak perlu diaktifkan segera dan bukan dilaksanakan secara bermusim bagi mengelak kes penganiayaan dan pengabaian terhadap Bella berulang.

Peguam pemerhati kes Bella menerusi kenyataan bersama berkata, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak yang ditubuhkan bawah Akta Kanak-Kanak perlu mengaktifkan segera dasar dan pelan itu.

Katanya, kes pengabaian dan penderaan seumpama itu adalah manifestasi kelompangan perundangan yang memerlukan penambahbaikan Akta Kanak-Kanak 2001 bagi menjadikan akta itu lebih inklusif melindungi kanak-kanak daripada pengabaian, penganiayaan, penderaan, dan eksploitasi.

“Penting bagi memastikan operasi pusat berkaitan dengan asuhan, jagaan atau perlindungan kanak-kanak hanya dilakukan oleh mereka yang benar-benar terlatih dan bukan menjadikan pusat itu sebagai medium untuk mengaut derma atau sumbangan dari mana-mana pihak.

“Justeru, menjadi keutamaan mengaktifkan segera Dasar dan Pelan Tindakan Kanak-Kanak komprehensif yang sudah sedia wujud bagi memastikan kes Bella tidak akan berlaku lagi dalam negara kita yang bertamadun ini,” kata kumpulan peguam itu.

Tambahnya, pelan dan dasar itu perlu dilaksanakan dengan pematuhan tegas dan tidak boleh hanya “berbunyi” secara bermusim setiap kali berlaku kes penderaan kanak-kanak.

Sebelum ini, Tunku Mahkota Johor (TMJ), Tunku Ismail Sultan Ibrahim melantik empat peguam, Baljit Singh Sidhu, Khairul Anwar Rahmat, Iqbal Salam, dan Mohd Radzi Yatiman sebagai peguam pemerhati bagi membantu pasukan pendakwaan.

Hari ini, Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur menjatuhkan hukuman 12 tahun penjara terhadap pengasas Rumah Bonda, Siti Bainun Ahd Razali selepas didapati bersalah mengabaikan dan mendera Bella.

Hukuman serentak dijalankan bagi pertuduhan pertama, tertuduh dijatuhi hukuman penjara 10 tahun dari tarikh sabitan dan bagi pertuduhan kedua, tertuduh dijatuhi hukuman penjara 12 tahun dari tarikh sabitan.

Selain itu, Siti Bainun diperintahkan menandatangani bon berkelakuan baik selama lima tahun dengan cagaran RM5,000 sebagai tambahan hukuman serta menjalani khidmat masyarakat selama 200 jam.

Hakim Izralizam Sanusi menjatuhkan hukuman itu selepas pihak pembelaan gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah di akhir kes pembelaan.

KANAK-KANAK SAKIT BUKAN SEBAB STROK HABA

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/963200/kanak-kanak-sakit-bukan-sebab-strok-haba>

Sumber : Harian Metro



Kuantan: Kes kanak-kanak lelaki berusia lapan tahun dari Pulau Tioman yang mendapatkan rawatan ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), di sini malam tadi, bukannya disebabkan strok haba.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pahang, Datuk Dr Nor Azimi Yunus berkata, hasil daripada siasatan, satu kes dirujuk dari Klinik Kesihatan Tekek, Pulau Tioman ke HTAA, 11.45 malam tadi.

Katanya, ia melalui penerbangan ihsan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dengan diagnosis meningitis iaitu jangkitan kuman pada otak.

"Kes ini membabitkan kanak-kanak lelaki dari Pulau Tioman yang mendapatkan rawatan dengan simptom sawan setelah mengalami demam, muntah dan keletihan selama dua hari.

"Pesakit seterusnya dirawat di Jabatan Kecemasan HTAA dan menjalani siasatan melalui CT Scan, pengambilan darah dan diberikan rawatan selanjutnya.

"Pesakit dalam keadaan stabil dengan diagnosis adalah *meningoencephalitis* iaitu jangkitan pada otak dan bukan strok haba seperti yang tular sebelum ini.

"Pesakit seterusnya dimasukkan ke wad kanak-kanak HTAA untuk rawatan selanjutnya," katanya dalam kenyataan hari ini.

TADIKA TERBAKAR, 36 MURID, GURU SEMPAT SELAMATKAN DIRI

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tadika-terbakar-36-murid-guru-sempat-selamatkan-diri-418124>

Sumber : Astro Awani



JOHOR BAHRU: Seramai 36 murid dan guru berdepan detik cemas apabila Tadika Sri Orkid Jaya di Taman Bukit Tiram di sini terbakar pada Khamis.

Difahamkan kebakaran disedari di peringkat awal kira-kira pada jam 8.30 pagi sebelum guru dan murid-murid terbabit segera meninggalkan bangunan tadika tersebut.

Menurut Komander Operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Johor Jaya, Penguasa Bomba Kanan II Mohd Salleh Mohamed, semua murid dan guru terselamat serta tidak melibatkan sebarang kecederaan.

"Pihak bomba menerima panggilan kecemasan berhubung kebakaran itu pada jam 8.38 pagi. Sekolah tadika tersebut beroperasi hari ini walaupun hari ini cuti umum.

"Susulan itu seramai lapan anggota dibantu dua jentera Fire Rescue Tender (FRT) dan satu Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) dikejarkan ke tempat kejadian," katanya ketika dihubungi pada Khamis.

Beliau berkata, kebakaran melibatkan rumah dua tingkat jenis struktur kekal berkeluasan 6x21 meter yang dijadikan tadika.

Menurutnya, kebakaran dapat dikawal dalam masa 10 minit dan operasi memadam kebakaran selesai pada 11.15 pagi.

Tambah Mohd Salleh, punca kebakaran dan jumlah kerugian masih dalam siasatan.

Sementara itu, Pengurus Kanan Tugas-tugas Khas Karangkrif, Hashim Anang bersyukur kerana cucunya yang belajar di tadika berkenaan selamat.

"Syukur alhamdulillah semua selamat. Beg dan buku-buku murid hangus kerana tidak sempat diselamatkan," ujarnya. - *Sinar Harian*

POLIS TERIMA LAPORAN WANITA DAKWA GAMBAR DIPAPAR DALAM VIDEO LUCAH

<https://www.sinarharian.com.my/article/256921/berita/semasa/polis-terima-laporan-wanita-dakwa-gambar-dipapar-dalam-video-lucah>

Sumber : Sinar Harian



KUALA TERENGGANU - Polis mengesahkan telah menerima laporan daripada seorang wanita dari Kemaman yang mendakwa gambar dirinya dan ahli keluarga telah disalah guna serta dimuat naik dalam beberapa [video lucah](#) yang tular menerusi media sosial pada masa ini.

Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintenden Hanyan Ramlan berkata, laporan dibuat mangsa di Balai Polis Chukai, Kemaman pada Selasa lepas.

"Siasatan sedang dijalankan mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan, Seksyen 15 (a) Akta Kesalahan Seksual Atas Kanak-Kanak 2017 serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

"Bagaimanapun, setakat ini identiti suspek masih belum dikenal pasti," katanya ketika dihubungi Bernama hari ini.

Semalam, media melaporkan mangsa yang dipercayai seorang guru mendakwa gambar dia sekeluarga di Facebook peribadinya telah dimuat naik dalam beberapa video lucah oleh seorang pengguna akaun Twitter sejak Disember tahun lepas.

Video berkenaan memaparkan aksi lucah pelaku dengan menggunakan gambar mangsa termasuk ahli keluarganya iaitu anak perempuannya yang berpakaian seragam sekolah, kakak ipar dan anak saudara perempuannya sebagai gambar latar belakang.

Mangsa turut mendakwa terdapat ramai lagi kanak-kanak dan wanita lain yang merupakan kenalannya di sekitar Kemaman yang turut menjadi mangsa tindakan tidak bermoral suspek itu. – Bernama

POLIS KESAN LELAKI CABUL WANITA DI TEPI JALAN

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/polis-kesan-lelaki-cabul-wanita-di-tepi-jalan/>

Sumber : Utusan



PETALING JAYA: Seorang wanita berdepan detik cemas apabila dicabul seorang lelaki di tepi jalan sebuah kawasan perumahan di Sea Park, Petaling Jaya di sini Jumaat lalu.

Pihaknya menerima laporan daripada seorang wanita berusia 20 tahun kira-kira 8.27 malam, Jumaat lalu.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Mohamad Fakhruddin Abdul Hamid berkata, ketika kejadian, dia sedang berjalan di kawasan perumahan itu sebelum tiba-tiba dipeluk dari arah belakang oleh suspek.

“Suspek yang berpakaian hitam dan memakai pelitup muka serta bertopi warna hitam itu kemudian melarikan diri.

“Susulan itu, kita sedang mengesan suspek yang terbabit dalam kejadian itu,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurutnya, kes itu disiasat mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan.

“Orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kejadian itu boleh menghubungi Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Petaling Jaya di talian 03-79662222 untuk tindakan lanjut,” katanya.

Terdahulu, satu video daripada rakaman kamera litar tertutup (CCTV) berdurasi satu minit 59 saat menunjukkan mangsa dirangkul dari belakang oleh suspek tular di media sosial, sejak semalam.- [UTUSAN](#)

WANITA RINDU GELAK TAWA SUAMI

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/wanita-rindu-gelak-tawa-suami/>

Sumber : Utusan



ALOR SETAR: Ujian untuk seorang wanita apabila terpaksa menguruskan suami yang menghidap strok dan penyakit Systemic Lupus Erythematosus (SLE) sejak Jun tahun lepas. Norusuhaili Shamsudin, 41, berkata, sambutan Ramadan dan Syawal tahun ini sangat menyedihkan buat keluarga itu apabila suaminya, Masrizal Ishak, 42, kini hanya mampu terlantar. “Saya dan anak-anak reda. Saya berusaha gembirakan anak-anak yang pertama kali sambut raya...

JANJI PADAM VIDEO, LEPAS ‘KANTOI’ RAKAM WANITA DI TANDAS AWAM

<https://www.kosmo.com.my/2023/05/04/janji-padam-video-lepas-kantoi-rakam-wanita-di-tandas-awam/>

Sumber : Kosmo



PETALING JAYA – “Aku padam kak.” Demikian rayuan seorang lelaki berusia 20 tahun yang mahu dirinya dilepaskan setelah perbuatan jijiknya disedari mangsa.

Mangsa seorang wanita berkongsi pengalaman diganggu lelaki berkenaan ketika menggunakan tandas awam di sebuah stesen minyak di Lahad Datu, Sabah baru-baru ini menerusi hantaran di akaun TikTok @ellejohniasmat.

Menurut wanita itu, sekitar pukul 12.50 pagi waktu kejadian, dia yang dalam perjalanan ke Kota Kinabalu bersama keluarganya mengambil keputusan untuk berhenti seketika di stesen minyak tersebut kerana ingin menggunakan tandas sebelum menyedari dirinya telah dirakam oleh individu tidak bertanggungjawab.

“Saya pergi ke tandas wanita dimana ada dua tandas di dalam. Saya pergi ke tandas paling hujung, tapi malangnya tandas tersebut terkunci, mulanya saya berfikir pihak stesen minyak mengunci dan saya pergi ke tandas sebelah.

“Saya terlihat kelibat bergerak-gerak di tandas sebelah. Saya mula pelik sebab bunyi air sdi sebelah pun tiada, saya berasa seram terdetik dalam hati untuk menoleh ke atas tandas (jenis tandas terbuka atas dan bawah) alangkah terkejutnya saya apabila melihat kamera telefon menghala tepat ke arah saya,” katanya.

Bercerita lanjut, wanita itu dengan pantas bersiap-siap dan terus pergi ke tandas sebelah untuk memaksa individu di dalam untuk keluar dan terkejut melihat si pelaku adalah seorang lelaki.

Wanita itu bagaimanapun terus memanggil suaminya yang berada di kereta dan sempat merampas telefon bimbit berkenaan sebelum menyerahkan kedua-duanya kepada pihak polis untuk tindakan lanjut.

Dalam pada itu, dia sempat menasihati kaum wanita di luar sana untuk sentiasa berhati-hati ketika berada di mana-mana termasuklah sewaktu menggunakan tandas awam.

“Saya minya hantaran ini ditularkan agar tiada lagi wanita-wanita di luar sana yang menjadi mangsa seperti saya. Mohon jadi iktibar dan hati-hati menggunakan tandas awam,” pesannya. – KOSMO! ONLINE

WANITA WARGA EMAS JATUH GAUNG

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/wanita-warga-emas-jatuh-gaung/>

Sumber : Utusan



PETALING JAYA: Wanita [warga emas](#) ditemukan terbaring di dalam gaung sedalam 12 meter di belakang rumahnya di Bandar Baru Selayang 2, Kawasan Kuari, di sini hari ini.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Hafisham Mohd. Noor berkata, pihaknya menerima panggilan pada 3.21 pagi dan tiba di tempat kejadian empat minit kemudian.

Menurutnya, kejadian membabitkan mangsa, Bainah Long, 79, yang hilang selepas bangun tidur.

“Mangsa dipercayai tergelincir dan terjatuh ke dalam gaung itu.

“Mangsa disedari hilang pada pukul 1 pagi dan gagal ditemui oleh keluarganya sebelum laporan dibuat kepada pihak berkuasa,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Tambahnya, operasi mencari dilakukan pihak bomba di kawasan gaung di belakang rumahnya dan mangsa ditemukan pada 3.40 pagi dalam keadaan terbaring.

“Mangsa tidak mengalami sebarang kecederaan dan dihantar ke Hospital Selayang untuk pemeriksaan lanjut. – [UTUSAN](#)

MELAKA TUBUH BADAN PEMIKIR UNTUK PERKASA, PERJUANG HAK WANITA

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/melaka-tubuh-badan-pemikir-untuk-perkasa-perjuang-hak-wanita-418092>

Sumber : Astro Awani



MELAKA: Kerajaan negeri Melaka di bawah portfolio Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti telah menubuhkan badan pemikir atau 'think tank' dalam usaha memperkasa dan memperjuang hak wanita di negeri itu dalam pelbagai aspek antaranya ekonomi dan sosial.

Exconya Datuk Kalsom Nordin berkata badan pemikir itu dianggotai kalangan profesional pelbagai bidang dari dalam dan luar Melaka untuk menggerakkan inisiatif tersebut dan ia merupakan antara misi beliau pada tahun ini.

"Think tank ini akan bersidang selepas Aidilfitri ini bagi membincangkan usaha, pendekatan atau program yang boleh dilaksanakan untuk memperkasa dan memperjuang hak wanita Melaka. "Antara isu yang diberi fokus ialah penganiayaan, penderaan dan hak-hak wanita selain ibu tunggal kerana wanita adalah segala-galanya... kita dilahirkan dari rahim seorang wanita," katanya ketika ditemui pemberita pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Batu di sini pada Khamis.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Batu berkata antara individu lain yang turut dijemput menganggotai badan pemikir berkenaan ialah Ahli Majlis Tertinggi UMNO yang memegang jawatan Pengerusi Majlis Hal Ehwal Wanita dan Keluarga Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil dan Pengerusi Wanita Barisan Nasional (BN) yang juga Ketua Wanita UMNO Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Dalam perkembangan lain, katanya ibu bapa diminta untuk mengawal pergerakan atau aktiviti anak-anak mereka khususnya di luar rumah dalam usaha mengelak insiden strok haba ekoran cuaca panas dan fenomena El Nino yang dijangka berlaku pada Jun ini.

"Walaupun suhu di Melaka mencapai kategori tahap satu atau berjaga-jaga, namun langkah pencegahan khususnya melibatkan anak-anak terhadap kesan cuaca panas adalah penting agar tidak berlaku insiden strok haba," katanya.

Beliau berkata selain itu, ibu bapa juga diminta memastikan anak-anak minum air masak mencukupi dan makan mengikut masa serta mendapat nutrisi mencukupi bagi mengelak masalah kesihatan lain dalam tempoh cuaca panas yang melanda negeri itu.

50 RUMAH TERJEJAS AKIBAT RIBUT, HUJAN LEBAT [METROTV]

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/962971/50-rumah-terjejas-akibat-ribut-hujan-lebat-metrotv>

Sumber : Harian Metro

Johor Bahru: Sebanyak 50 rumah di Kampung Melayu Majidee di sini, rosak akibat ribut petang tadi.

Selain rumah penduduk yang terjejas, beberapa warung, kedai makan dan hentian bas turut terjejas akibat pokok tumbang dan atap yang diterbangkan angin.

Penduduk Khatijah Mohd Amin, 60, berkata, ketika kejadian dia terdengar deruan angin yang terlalu kuat sebelum anaknya memaklumkan kedai makan miliknya di sebelah rumahnya dihempap pokok besar.

"Apabila saya keluar melihat kedai makan rosak, saya hanya mampu ucap Astagfirullah dan Alhamdulillah sahaja.

"Tidak mengapa ujian, Alhamdulillah kita semua masih selamat," katanya ketika ditemui di Jalan Merdeka di Kampung Melayu Majidee, di sini, hari ini.

Bagi Ibu Tunggal, Jamaliah Abdul Manaf, 43 tetap bersyukur apabila ibunya, Tijah Kassim, 73, selamat ketika ribut berlaku.

"Ketika kejadian, mak saya di dapur dan tiba-tiba hujan lebat dengan angin menderu dan bumbung terus tercabut, habis basah dapur dan barang pecah.

"Sebelum hujan saya lihat awan gelap, saya terus tutup elektrik kerana dua tahun lepas pun jadi perkara sama," katanya.

WARGA EMAS, BUDAK LEBIH BERISIKO

<https://www.hmetro.com.my/utama/2023/05/963071/warga-emas-budak-lebih-berisiko>

Sumber : Harian Metro



Kuala Lumpur: Strok haba berisiko untuk terjadi kepada semua orang sekiranya seseorang itu terdedah kepada persekitaran panas melampau, tanpa mengira tahap kesihatan diri seseorang.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam Kementerian Kesihatan, Dr Norlen Ahmad berkata, golongan warga emas, kanak-kanak dan mereka yang mempunyai penyakit kronik seperti kencing manis, darah tinggi dan obesiti, bagaimanapun lebih berisiko mendapat strok haba.

"Warga emas lebih berisiko tinggi kerana biasanya mereka mempunyai pelbagai penyakit yang membuatkan mereka lebih sensitif dan mekanisme pengeluaran peluh atau kawalan suhu badan tidak lagi cekap," katanya kepada Bernama Radio, semalam.

Dr Norlen berkata, strok haba adalah satu kecemasan perubatan yang boleh berlaku secara pantas dan langkah segera perlu diambil untuk mengurangkan suhu badan bagi mengelakkan mangsa mengalami kondisi yang lebih serius seperti kegagalan fungsi otak, sawan dan yang paling serius mendatangkan maut.

Katanya, antara langkah segera yang boleh diambil adalah meletakkan tuala basah di atas kepala, bawah ketiak, tepi paha serta tengkuk mangsa selain memindahkan mangsa ke tempat yang lebih sejuk dan redup.

"Tempat-tempat terbabit adalah laluan saluran darah besar dan meletakkan tuala basah akan mempercepatkan proses alihan haba dalam badan dan seterusnya mengurangkan suhu teras badan," katanya.

Menurutnya, antara langkah pencegahan yang boleh diambil orang ramai adalah mengurangkan aktiviti fizikal di kawasan panas, memperbanyak minum air terutamanya air kosong, memakai pakaian yang longgar dan nipis serta memantau kesihatan ahli keluarga berisiko.

Minggu lalu, seorang kanak-kanak lelaki berusia 11 tahun dari Kampung Perupok, Bachok Kelantan, meninggal dunia di Klinik Kesihatan Balai, Bachok akibat strok haba dan dehidrasi.

Sebelum ini, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengeluarkan amaran, beberapa kawasan di Semenanjung dan Sabah diramal mengalami cuaca panas Tahap 1 (Berjaga-jaga) sekurang-kurangnya tiga hari berturut-turut dengan suhu maksimum sehingga 35 dan 37 darjah Celsius, bagaimanapun keadaan itu dijangka akan reda dalam beberapa hari lagi.

Kolam tadahan air hampir kering

Cuaca panas dan kering yang melanda daerah ini memberikan pelbagai kesan kepada penduduk yang bukan sahaja menyebabkan kerugian malah turut terpaksa mengehendkan aktiviti harian.

Fenomena itu menyebabkan pekebun pisang, Mohd Azlan Abdul Manaf, 39, mengalami kerugian hampir RM40,000 apabila kira-kira 1,000 pokok pisang berangan dan pisang raja mati akibat kekurangan air.

Katanya, kolam tadahan air di kebunnya pula hampir kering sehingga dia tidak dapat digunakan untuk menyiram pokok.

"Saya tanam 5,000 pokok pisang dan 1,000 daripadanya rosak akibat kemarau menyebabkan kerugian hampir RM40,000.

"Pokok pisang memerlukan air yang banyak dan jika kemarau ia akan mati termasuk pokok yang sudah berbuah," katanya yang tinggal di Kampung Pisang di sini.



MOHD Azlan menanam 5,000 pokok pisang dan 1,000 daripadanya rosak akibat kemarau menyebabkan kerugian hampir RM40,000. FOTO NOORAZURA ABDUL RAHMAN

Sementara itu, kontraktor membuat jalan, Mohammad Kharul Nizam Ismail, 41, terpaksa menukar jadual kerja bermula seawal jam 7.30 pagi dan berhenti pada jam 11 pagi kerana tidak tahan dengan suhu panas.

Ini kerana, katanya, dia bimbang pekerjaanya diserang strok haba sekiranya bekerja di bawah matahari terik.

"Kita buat kerja tengah panas kena berjaga-jaga... bahang sekarang kalau minum dua botol air pun tak cukup. Jam 8 pagi pun sudah rasa bahang panas," katanya yang sudah 20 tahun menjadi kontraktor.

Perkara sama diakui pemandu jengkaut, Alias Abdul Rashid, 42, apabila dia perlu membawa lebih banyak air minum ketika bekerja bagi mengekalkan lembapan dalam badan.

"Jika terlalu lama di bawah terik matahari kulit jadi pedih sebab cuaca sekarang panas luar biasa. Pada waktu tengah hari memang kena minum banyak air," katanya.

Namun, sebaliknya bagi pengusaha asam keping, Jariah Yahya, 70, cuaca panas memberi limpahan rezeki buatnya.

Katanya, proses menjemur asam keping lebih cepat berbanding sebelum ini menjangkau empat hari.

"Sebelum ini kalau jemur asam keping ambil masa lebih empat hari baru kering, tapi dengan musim panas sekarang cuma dua tiga hari sudah kering dan boleh simpan dalam plastik.

"Asam keping ini kalau lambat kering jadi berkulat, kadang-kadang jadi hitam dan perlu dibuang," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Bendang Raja di sini.

Terdahulu Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengeluarkan status cuaca panas tahap satu (berjaga-jaga) bagi kawasan Padang Terap di Kedah dan Jempol di Negeri Sembilan.

Menurut data jabatan itu gelombang haba tahap kuning merujuk kepada suhu maksimum harian melebihi 35 hingga 37 darjah Celsius untuk sekurang-kurangnya tempoh tiga hari berturut-turut.

TINGKAT KESEDARAN WARGA EMAS ELAK JADI MANGSA TIPU

<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2023/05/1096955/tingkat-kesedaran-warga-emas-elak-jadi-mangsa-tipu>

Sumber : Berita Harian



Trend warga emas menjadi mangsa penipuan dalam talian di negara ini semakin membimbangkan, apatah lagi jumlah penduduk berusia 60 tahun ke atas dijangka meningkat kepada 14 peratus daripada populasi Malaysia pada 2030.

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (2018) mendapati satu daripada 11 warga emas terdedah kepada aktiviti penganiayaan oleh individu dipercayai, manakala polis pula melaporkan 71,833 kes penipuan membabitkan kerugian RM5.2 bilion sejak 2020 hingga 2022.

Antara contoh penipuan ialah kes pelaburan, love scam, penjagaan kesihatan dan penipuan haji serta umrah membabitkan kerugian daripada ribuan hingga jutaan ringgit.

Warga emas kehilangan wang pasti menghadapi kesukaran menampung keperluan asas terutama pembayaran perubatan dan kos sara hidup, selain terpaksa bergantung kepada keluarga atau masyarakat. Ini memberikan tekanan dan mengancam kualiti hidup sedia terhad hingga ada menghadapi kemurungan serta mengambil jalan pintas membahayakan diri.

Antara faktor penyumbang dikenal pasti ialah masalah kesihatan dan pergerakan menyukarkan keluar rumah serta bersosial dengan orang lain, manakala ada juga bersendirian disebabkan perceraian dan masalah rumah tangga hingga terpaksa menghabiskan masa di rumah dan bergantung teknologi maklumat.

Kebergantungan itu membuka ruang kepada mereka terjebak dalam penipuan dalam talian kerana pemperdaya (scammer) akan memanipulasi keperluan warga emas berhubung dengan orang lain.

Mudah percaya orang tanpa usul periksa

Umumnya, warga tua terkenal dengan sifat altruisme, iaitu mengutamakan keperluan dan kesenangan orang lain. Disebabkan perubahan umur, mereka juga boleh menghadapi masalah kognitif menjadikan mudah mempercayai orang lain tanpa usul periksa. Kadangkala, mereka ditipu pemperdaya menggunakan naratif agama.

Warga emas dengan masalah kesihatan dan kewangan juga mudah terjebak dalam penipuan menawarkan penyelesaian sempurna, tetapi singkat. Seperti menangguk di air keruh, pemperdaya mengeksploitasi keadaan warga emas.

Oleh itu, pihak berkuasa dan masyarakat perlu bekerjasama mengambil tindakan proaktif dalam mencegah penipuan warga emas dengan keluarga menjadi benteng utama. Warga emas terasing mudah terjebak dalam penipuan dalam talian, tetapi sokongan keluarga, rakan, jiran dan komuniti dapat mengurangkan risiko itu.

Kita harus kerap bertanya khabar warga emas terasing di sekeliling. Sekiranya mereka mempamerkan gejala defisit kognitif seperti kerap lupa, mereka perlu dibawa mendapatkan penilaian dan rawatan.

Bagaimanapun, perlu ada kerangka menyeluruh kerajaan dalam melancarkan pembabitan masyarakat menerusi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sukarelawan untuk membantu golongan rentan ini.

Jumlah dan peranan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) perlu diperkemas selaras masalah baharu membabitkan mereka seperti apa dilakukan di Jepun, iaitu aktiviti sosial ikoino saron membabitkan golongan itu digembleng sukarelawan bagi membantu dalam berhubung dan mendapatkan sokongan antara satu sama lain.

Kempen kesedaran secara berterusan juga perlu dalam meningkatkan kesedaran risiko penipuan dan cara mengelakkannya. Ia perlu dijalankan berterusan dan meliputi topik seperti pengurusan wang serta keselamatan dalam talian dengan sasaran tempat adalah di masjid, surau dan rumah ibadat yang sering menjadi tumpuan warga emas.

Pihak berkuasa perlu meningkatkan tindakan pencegahan dan perlindungan, termasuk peningkatan pemantauan serta kajian terhadap laman sesawang penipuan dalam talian. Ini akan mengenal pasti penipu dalam talian dan mengambil tindakan pantas untuk melindungi warga emas. Bank Negara sudah mengeluarkan lima langkah tambahan bagi mengukuhkan perlindungan terhadap penipuan.

Pakar Psikiatri dan Pensyarah, Jabatan Psikiatri, Kulliyah Perubatan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

**"WARGA EMAS BUKAN BEBANAN, MAMPU JADI POTENSI EKONOMI BAHARU"
- DR MOHAMED MUSTAFA**

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-bukan-bebanan-mampu-jadi-potensi-ekonomi-baharu-dr-mohamed-mustafa-418120>

Sumber : Astro Awani



KUALA LUMPUR : Warga emas yang sihat dan masih berminat untuk menyambung pelajaran mampu memberi sumbangan kepada ekonomi 'silver' di Malaysia.

Naib Canselor Perdana University, Prof. Datuk Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, ekonomi 'silver' adalah sektor baharu yang bukan sahaja memenuhi keperluan golongan usia emas, malah memberi manfaat kepada pembangunan negara.

Jelasnya, warga emas mampu memberi sumbangan kerana pengalaman yang diperoleh mereka.

"Keperluan orang-orang tua ini banyak keperluan baharu, bukan sahaja dari segi penjagaan kesihatan. Ia juga merupakan satu sektor ekonomi yang ada potensi besar jika jumlah penduduk tua ini meningkat.

"Ini tidak harus dilihat sebagai satu bebanan kepada negara, tetapi juga sebagai potensi ekonomi yang baharu kerana warga emas bertambah dari segi jumlahnya dan jangka hayatnya," katanya semasa menjadi tetamu Dialog Tiga Penjuru pada Khamis.

Ujarnya, negara seperti Singapura juga boleh dijadikan contoh bagaimana usaha kerajaan republik itu yang menyediakan pekerjaan baharu bukan secara sepenuh masa kepada warga emas dalam usaha memastikan golongan itu tidak bergantung sepenuhnya kepada bantuan kerajaan.

Justeru beliau bersetuju jika perubahan dasar dilakukan bagi memenuhi keperluan ekonomi silver dalam usaha memastikan mereka menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan sektor pekerjaan baharu.

"Usaha memperkasa generasi lama dengan pendidikan sepanjang hayat menuntut kerajaan melakukan perubahan atau penambahbaikan kepada dasar tertentu," katanya lagi.

Dalam pada itu, beliau melihat menyambung pelajaran dalam usia emas disifatkan lebih tenang dan kurang tekanan.

"Mereka lebih '*relax*' kerana tidak lagi tertekan untuk skor CGPA dan sebagainya, bukan itu matlamat mereka. Jadi, mereka belajar untuk menambah ilmu dan berdasarkan minat yang ada.

"Pada saya, setiap bidang itu ada kelebihan kepada individu masing-masing. Misalnya kalau mereka ambil jurusan perniagaan, mereka nak tahu selok-belok perniagaan dan mereka sudah ada idea tetapi nak belajar secara lebih berstruktur," ujarnya.

Selain itu katanya, warga emas juga digalakkan mempelajari bidang-bidang baharu seperti falsafah ,seni budaya dan muzik bagi menggerakkan daya kreatif mereka.

"Mungkin selama ini mereka tertumpu kepada sebelah otak sahaja, jadi bidang baharu boleh menggunakan sebahagian lagi otak yang kurang digunakan.

"Ini baik untuk kecerdasan dan kemampuan berfikir sebab otak kita ini boleh dirangsang. Ini kerana ada penemuan bahawa walaupun kita berusia, tidak bermakna sel-sel otak kita tidak lagi berkembang," ujarnya.

'TIDAK ADA ORANG BERANI ANIAYA OKU LAGI'

<https://www.sinarharian.com.my/article/256798/berita/nasional/tidak-ada-orang-berani-aniaya-oku-lagi>

Sumber : Sinar Harian



KUALA LUMPUR – "Selepas ini tidak akan ada orang yang berani menganiaya orang kurang upaya (OKU) terutama kepada anak-anak yang tidak boleh bersuara, saya ucap terima kasih kepada mahkamah kerana mendengar hujah dengan baik," kata Presiden OKU Sentral, Datuk Ras Adiba Radzi.

Beliau berkata, kemenangan yang memihak kepada adik Bella adalah kemenangan untuk semua OKU di negara ini yang pernah ditindas dan dianiaya.

“Selepas ini masyarakat akan jadi mata dan telinga kami agar OKU tidak dianiaya seperti adik Bella.

“Ini adalah sejarah seorang yang mendera OKU dibawa ke mahkamah dan dijatuhi hukuman setimpal,” katanya pada sidang akhbar di Kompleks Mahkamah Jalan Duta di sini pada Rabu.

Bekas personaliti televisyen itu turut mengucapkan terima kasih kepada barisan peguam dan pasukan #justiceforbella yang banyak berkorban masa untuk memperjuangkan isu berkenaan di mahkamah sehingga berjaya.

“Terima kasih juga kepada Tunku Mahkota Johor (TMJ), Tunku Ismail Sultan Ibrahim dan isteri, Che Puan Besar Khaleeda Bustamam kerana mempercayai misi pasukan #justiceforbella di belakang saya.

“Ini bukan pengakhiran tetapi permulaan kerana saya terus akan memperjuangkan suara OKU untuk pastikan kami tidak dianiaya sesuka hati.

“Kepada agensi kerajaan terlibat ini bukan sesuatu yang senang kita pelajari apa yang berlaku untuk pastikan sejarah tidak berulang lagi,” tegasnya.

Beliau dalam pada itu turut merayu kepada masyarakat supaya bersedia melaporkan kepada pihak berkuasa jika tahu atau mendengar mengenai kes penderaan, penganiayaan membabitkan golongan itu.

“Kalau kita tidak menjadi mata dan telinga mereka siapa lagi kerana kebanyakan daripada kami tidak dapat menyuarakan apa yang sedang berlaku kerana mungkin tertekan dengan keadaan di sekeliling kami,” katanya.

Pada Rabu pengasas Rumah Bonda, Siti Bainun Ahd Razali dijatuhi [hukuman penjara 12 tahun](#) atas dua pertuduhan mengabaikan dan menganiaya seorang remaja sindrom Down dikenali Bella dua tahun lalu.

Hakim Izralizam Sanusi memutuskan demikian selepas mendapati Siti Bainun gagal menimbulkan keraguan munasabah di akhir kes pembelaan.

Bagi kesalahan pertama iaitu mengabaikan Bella, dia dihukum penjara 10 tahun manakala pertuduhan kedua, menganiaya sebanyak 12 tahun.

PENJAGA AHLI KELUARGA OKU, UZUR WAJAR DIBERI ELAUN, AKSES KESIHATAN

<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2023/05/1096951/penjaga-ahli-keluarga-oku-uzur-wajar-diberi-elaun-akses-kesihatan>

Sumber : Berita Harian



Dalam meraikan golongan pekerja, masyarakat sering terlupa terhadap sumbangan golongan berkerja dalam sektor penjagaan kesihatan yang boleh dianggap sebagai wira tak didendang.

Sebahagian besarnya tidak bergaji, iaitu penjaga tidak formal atau tidak mendapatkan upah memadai dan faedah skim pekerja sekiranya berkhidmat dalam sektor ekonomi penjagaan seperti jururawat, pengasuh serta penjaga terlatih.

Kelompok ini biasanya bekerja tanpa mengenal waktu, tiada syif bertugas dan tiada cuti boleh dipohon, malah tidak boleh untuk 'berasa lelah mahupun jatuh sakit.'

Mereka sering dipinggirkan daripada menerima bantuan, bahkan perlu menelan masalah sendirian demi meneruskan perjuangan hidup seharian walaupun berdepan risiko kesihatan dan diketepikan secara sosial.

Kebanyakan mereka mengabdikan diri dalam tempoh panjang untuk menjaga anak atau ahli keluarga memerlukan perhatian khusus tanpa bayaran atau pasrah dengan upah sangat kecil oleh ahli keluarga lain berbanding beban berat perlu ditanggung.

Ada suami atau isteri berhenti bekerja untuk menjaga anak, manakala ramai mengorbankan usia muda demi menjaga orang tua. Ada kakak atau abang berhenti persekolahan kerana ingin menjaga ibu bapa uzur.

Pekerjaan sukar, tetapi mulia itu biasanya dipikul antara suami atau isteri untuk mengurus rumah dan keluarga sementara pasangannya mencari rezeki. Dalam keluarga lain, mereka menjaga anak orang kurang upaya (OKU) atau ibu bapa uzur, adik-beradik atau pasangan mengasuh ahli keluarga terlantar dan kadang-kadang dipikul jiran yang bersimpati.

Adakalanya, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sukarelawan persendirian mengambil inisiatif menjaga golongan memerlukan ini.

Penjagaan hampir sepanjang masa

Penjagaan diberikan hampir sepanjang masa merangkumi penjagaan diri seperti memberi makan, memandikan dan memakaikan baju, selain penjagaan kesihatan seperti mengatur ubat-ubatan dan menyediakan pengangkutan ke pusat kesihatan.

Bantuan lain seperti kewangan, penyeliaan, asuhan, pendidikan dan khidmat penjagaan lain turut termasuk dalam skop tugas penjaga tidak formal ini.

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2019 mendapati 5.1 peratus orang dewasa di negara ini memberikan penjagaan tidak formal, kebanyakannya dalam kalangan wanita.

Data di peringkat global dikeluarkan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) pada 2018 menunjukkan golongan wanita memikul tanggungjawab penjagaan ini 3.2 kali ganda lebih kerap berbanding lelaki.

Di Korea Selatan, India dan China, wanita menghabiskan masa masing-masing sekitar 34.1, 33.2 serta 31.9 jam seminggu, hampir sama masa pekerjaan sepenuh masa (40 jam seminggu) di kebanyakan negara, menurut laporan *Whose Time to Care?*

Walaupun sering kali tugas itu dipikul atas sebab kasih sayang dan rasa ihsan, sumbangan terbabit perlu dihargai dan diiktiraf kerana ia signifikan dalam memastikan kewujudan masyarakat sejahtera apabila individu memerlukan bantuan disantuni melalui penjagaan dan pengawasan sepatutnya.

Justeru, golongan ini perlu diberikan bantuan penerusan hidup sejahtera atas kesanggupan mengorbankan keselesaan demi menjalankan tanggungjawab dari sudut sokongan emosi, kewangan dan akses mudah menerima bantuan seperti peralatan perubatan serta latihan bagi menambahkan keupayaan menjaga pesakit.

Inisiatif sebegini mampu meringankan tekanan penjaga tidak formal, sekali gus meningkatkan kualiti hidup dan individu dijagai.

Penghargaan dalam bentuk pelepasan cukai, elaun kewangan, perkhidmatan kaunseling, latihan penjagaan dan ziarah ke rumah penjaga mampu meringankan beban, sekali gus menjadikan mereka tidak rasa bersendirian dan terpinggir dalam usaha menyantuni orang tersayang.

Sokongan ahli keluarga, komuniti dan dikuatkan dengan langkah pengukuhan polisi dan dasar kerajaan mampu menjadikan Malaysia sebagai masyarakat penyayang serta harmoni agar hak individu diambil berat, dianggap penting dan dilindungi.

Pada peringkat global, banyak negara semakin memberikan sokongan untuk penjagaan tidak formal yang dianggap sebahagian sistem penjagaan kesihatan. Di negara maju, penggunaan penjagaan tidak formal digalakkan untuk mengurangkan kos perkhidmatan penjagaan profesional formal termasuk perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Hakikatnya, banyak ruang penambahbaikan boleh dilakukan di segenap peringkat bagi menjadikan penyediaan penjagaan tidak formal sebagai pekerjaan kurang membebankan termasuk pengiktirafan diberikan atas komitmen mereka, sekali gus memastikan mereka mendapatkan akses terhadap hak bersesuaian seperti pekerja formal.

Diana adalah Pakar Perunding Perawatan Paliatif di Hospital Al-Sultan Abdullah Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam, manakala Basmin adalah Pegawai Jabatan Komunikasi dan Media, Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM).

KAKAK TEKAD JAGA 5 BERADIK OKU

<https://malaysiapost.com.my/2023/05/04/kakak-tekad-jaga-5-beradik-oku/>

Sumber : Malaysia Post



TUJUH beradik termasuk lima orang kurang upaya (OKU) pertama kali terpaksa menyambut hari raya Aidilfitri tanpa kedua ibu bapa, tahun ini.

Bagaimanapun, ketiadaan ibu bapa itu tidak mematahkan semangat dua daripada mereka iaitu Nurul Aina Fitrah Abd Rani, 28, dan kakaknya, Nur Azuraida, 40, mengambil alih tugas menjaga adik-beradik mereka.

Kedua-dua mereka berusaha menjaga adik-beradik mereka yang OKU termasuklah berusaha menyediakan kelengkapan raya walaupun secara ala kadar.

Nurul Aina berkata, dua abangnya, Mohamad Asrul Nizam, 38, dan Mohamad Iskandar, 31, tinggal bersama Nur Azuraida di Klang, Selangor.

Katanya, kakaknya, Siti Nurul Ashikin, 35; Mohamad Ikmal Hakimi, 24; dan Mohamad Amir Azwan, 20, pula menetap bersamanya di rumah tinggalan ibu bapanya di Kampung Pelindung, Beserah, Kuantan.

“Kakak saya bekerja sebagai kakitangan kerajaan di Klang mula menjaga dua abang sejak ayah meninggal dan saya pula menjaga seorang kakak dan dua adik di rumah peninggalan arwah ayah.

“Hanya kami berdua sahaja yang normal, manakala lima lagi adik beradik ada masalah lembam, tetapi mereka boleh mengurus diri mereka sendiri seperti mandi, pakai baju, makan serta minum, namun masih perlu dipantau.

“Ayah dan ibu memang sudah pesan, jika apa-apa terjadi kepada mereka, kami dua beradik perlu menjaga kelima-lima adik beradik istimewa kami ini.

“Walau apa pun yang berlaku, ibu dan ayah sangat berharap agar kami tidak berpisah... sebelum ini, ada juga saudara yang minta untuk menjaga adik-adik saya,” katanya.

Ibu mereka meninggal 24 April tahun lalu akibat sesak nafas manakala bapanya pula meninggal dunia hampir setahun kemudian iaitu pada 18 Mac lalu kerana masalah kegagalan oksigen.

Kini, Mohamad Ikmal Hakimi dan Mohamad Amir Azwan, sedang mendapat pendidikan khas di Pusat Pendidikan Khas (PDK) Sri Nilam Cahaya, Balok, manakala tiga lagi adik-beradik lain sudah tidak bersekolah.

Bercerita lanjut, anak kelima daripada tujuh beradik itu berkata, walaupun tanpa ayah dan ibu, penyediaan hari raya tetap disediakan kerana tidak mahu adik dan abangnya sedih kerana sebelum ini ia disediakan oleh arwah ibu dan ayah tanpa gagal.

“Adik-beradik lelaki saya berperwatakan seperti kanak-kanak sekolah rendah manakala kakak (Siti Nurul Ashikin) pula lebih pandai berdikari berbanding yang lain, mungkin disebabkan arwah ibu banyak melatihnya melakukan kerja rumah.

“Mereka tahu ibu dan ayah sudah tiada, tapi jika membuat persiapan raya, mereka tetap mahu meriah seperti biasa. Hendak ada baju cantik, hendak main bunga api dan hendak memasang lampu warna warni.

“Sebagai kakak, sudah tentu kami berdua akan memberikan yang terbaik. Walaupun pendapatan tidak seberapa, namun saya bersyukur kerana dikelilingi insan baik yang membantu menghulurkan sumbangan,” katanya.

Nurul Aina yang bekerja sebagai pembantu jualan di sebuah pasaraya dan sudah berkahwin bersyukur kerana suami dan keluarga mentua memahami situasi dihadapinya.

“Saya bersyukur dapat ibu mentua yang baik. Jika saya hendak balik ke rumah mentua di Maran, ibu mentua turut meminta saya membawa bersama adik beradik saya. Malah disediakan tempat untuk mereka tidur dan melayan mereka dengan baik.

“Kakak saya juga sudah berkahwin dan abang ipar saya juga sangat memahami dan banyak membantu berkorban membantu kami adik-beradik bukan sahaja dari segi tenaga malah masa,” katanya.

Menyentuh tentang kenangan menyambut Aidilfitri bersama ibu dan bapanya, Nurul Aina berkata, perkara paling tidak dapat dilupakan adalah keenakan masakan lodeh dan rendang ibu yang merupakan juadah wajib setiap kali menyambut Aidilfitri.

“Kali ini, kami juga menyediakan juadah sama supaya adik-beradik saya tidak merasa kekurangan menyambut Aidilfitri tahun ini.

“Sebolehnya saya dan kakak melakukan yang terbaik supaya mereka semua dapat menyambut Aidilfitri sama seperti ketika kedua ibu bapa kami masih ada,” katanya. – Malaysiapost

EMPAT SEKELUARGA NYARIS MAUT KERETA TERBAKAR

<https://www.thesundaily.my/cerita/berita/empat-sekeluarga-nyaris-maut-kereta-terbakar-ML10933791>

Sumber : The Sun Daily



BUTTERWORTH: Sepasang suami isteri bersama dua anak mereka nyaris maut selepas kereta Perodua Alza baharu yang dinaiki mereka terbakar dalam kejadian di susur masuk di Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang, di sini hari ini.

Pasangan suami isteri berusia lingkungan 20-an yang kedua-duanya dipercayai Orang Kurang Upaya (OKU) bisu itu bersama anak lelaki, 2, dan perempuan berumur tiga tahun dalam perjalanan dari Alma, dekat sini ke Relau.

Mereka sekeluarga sempat menyelamatkan diri sebaik menyedari kereta yang dinaiki terbakar dengan berhenti di tepi jalan dan keluar dari kenderaan terbabit.

Pegawai Operasi Bomba Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pulau Pinang Shahrul Munawer Taharem berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan pada 2.24 petang memaklumkan kejadian itu.

“Apabila pihak bomba tiba di lokasi mendapati kereta itu sedang terbakar dan api marak manakala pemandu dan tiga penumpang telah berjaya menyelamatkan diri sebelum kami tiba di situ.

“Kami menjalankan kerja pengawalan dan pemadaman, api berjaya dipadam sepenuhnya pada 2.44 petang dan kereta itu terbakar lebih 95 peratus. Punca kebakaran masih dalam siasatan,” katanya di sini hari ini. - Bernama